Jurnal Borneo Akhailogia (Warisan, Arkeologi & Sejarah), Disember 2026, Vol.11(1), hlm.369-392
e-ISSN: 2600-8726© Zainuddin Baco & Afrina Shafri Khan
https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/JBA/

TAPAK MEGALITIK DAN TRADISI LISAN GONDIRAN, SOSOPON, PENAMPANG: SATU PENELITIAN AWAL

Gondiran Megalithic Site and Oral Tradition, Sosopon, Penampang: A preliminary study

Zainuddin Baco[1] & Afrina Shafri Khan[2]*

[1&2]Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah
*Corresponding author: Afrinashafrikhan@gmail.com

Dihantar: 20 Mei 2026 / Penambahbaikan: 21 Jun 2026
Diterima: 1 Oktober 2026 / Terbit: 31 Disember 2026

Abstrak

Tradisi megalitik di Sabah bukan sekadar manifestasi fizikal batuan, tetapi sarat dengan nilai warisan kebudayaan tidak ketara melalui penceritaan tradisi lisan. Walau bagaimanapun, wacana kajian megalitik di Daerah Penampang sering didominasi oleh legenda Monsopiad, berbanding naratif kepahlawanan tempatan lain seperti Gondiran. Makalah ini bertujuan untuk menganalisis hubung kait antara tradisi lisan Gondiran dengan tinggalan megalitik di Kampung Sosopon, khususnya Tempat Tidur Gondiran (*Tipongni Gondiran*) dan Batu Cabaran Gondiran (*Watu Gondiran*). Menerusi pendekatan kualitatif dan aplikasi kerangka etnoarkeologi, kajian ini menggunakan pemerhatian lapangan serta dokumentasi sejarah lisan masyarakat setempat. Dapatan kajian menunjukkan bahawa struktur megalitik tersebut berfungsi sebagai mekanisme etnobudaya dan memori kolektif yang mengabsahkan kebenaran naratif kepahlawanan Gondiran sebagai entiti pelindung penduduk kampung. Signifikansi tinggalan megalitik ini bertindak sebagai medium pengekalan identiti, ingatan sosial, dan kosmologi masyarakat Kadazan-Dusun. Walau bagaimanapun, kelestarian warisan ini kini berdepan cabaran kritikal termasuklah ancaman vandalisme oleh golongan muda, serta kelompangan dokumentasi rasmi. Justeru, pendokumentasian dan pemeliharaan holistik melalui integrasi ekopelancongan warisan setempat dan pendokumentasian digital amat mendesak bagi menjamin kelangsungan sejarah dan epistemologi peribumi ini.

Kata Kunci : Megalitik, Tradisi Lisan, Gondiran, Sosopon, Kadazan-Dusun, Penampang

Abstract

The megalithic tradition in Sabah is not merely a physical manifestation of stone structures but is deeply intertwined with intangible cultural heritage through oral traditions. However, megalithic discourse in the Penampang District is frequently dominated by the Monsopiad legend, marginalizing other local heroic narratives such as Gondiran. This paper aims to analyze the relationship between the Gondiran oral tradition and the megalithic remains in Kampung Sosopon, specifically Gondiran's Sleeping Place (Tipongni Gondiran) and Gondiran's Challenge Stone (Batu Cabaran Gondiran). Employing a qualitative approach alongside an ethnoarchaeological framework, this study utilizes field observations and the documentation of local oral histories. The findings reveal that these megalithic structures function as ethnocultural mechanisms and collective memories that validate the heroic narrative of Gondiran as a protective entity for the villagers. The significance of these megalithic remains acts as a medium for sustaining the cultural identity, social memory, and cosmology of the Kadazan-Dusun people. Nevertheless, the sustainability of this heritage is currently facing critical challenges, including the threat of vandalism by the youth and a lack of formal documentation. Therefore, holistic documentation and preservation through the integration of local heritage ecotourism and digital archiving are urgently needed to safeguard the continuity of this indigenous history and epistemology.

Keywords ***:*** *Megalith, Oral Tradition, Gondiran, Sosopon, Kadazan-Dusun, Penampang*

Pengenalan

Tradisi Megalitik dikatakan satu tradisi budaya yang berkembang merangkumi keseluruhan zaman prasejarah, protosejarah sehingga zaman sejarah (Baszley Bee, 2011:16-32). Bukti kewujudan tradisi megalitik telah ditemui hampir di seluruh dunia. Bermula daripada bentuk monolith sehingalah kepada bentuk figura dan monumen. Kepelbagaian bentuknya dipengaruhi dengan geografi (sumber batu), masyarakat dan amalan lazim dikaitkan dengan kepercayaan animisme yang seterusnya disesuaikan dengan unsur keagamaan (Hindu, Islam dan Kristian). Oleh itu, tradisi ini merupakan salah satu bentuk kebudayaan yang bersifat universal kerana boleh diterima dan mudah disesuaikan dengan budaya masyarakat yang sedia ada pada masa

tersebut. Malah, tradisi ini sebenarnya masih berlangsung sehingga kini khususnya di beberapa kawasan di Sabah yang mempunyai majoriti penduduk dalam kalangan masyarakat peribumi. Sebagai contoh dalam konteks untuk memperingati sesuatu peristiwa penting seperti simbolik kepada pembukaan tamu yang baru seperti di Tambunan pada tahun 1989, simbolik penyertaan negeri Sabah dalam pembentukan Malaysia menerusi Batu Sumpah Keningau pada tahun 1963 dan simbolik sambutan peristiwa seperti *International Decade for the World Indigenous People* pada tahun 1995 (Phelan, 1997:3). Tuntasnya, hubungan tradisi Megalitik dengan kebudayaan masyarakat Sabah sememangnya tidak dapat dipisahkan. Tanggapan hubungan antara tradisi Megalitik di Sabah boleh dilihat menerusi kenyataan Harrison yang menyatakan Pulau Borneo mempunyai tradisi Megalitik yang unik di dua kawasan seperti di Kota Kinabalu dan tanah tinggi Kelabit. Bongkah batu telah dijadikan sebagai suatu elemen yang utama dalam simbolik masyarakat tradisi Megalitik (Harrison, 1962: 378-380).

Di Sabah, khususnya daerah Penampang, hasil penelitian antara Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Institut Kajian Pembangunan Sabah (IDS) telah menemui 87 buah megalitik. Penemuan ini secara tidak langsung telah memperlihatkan daerah ini sebagai salah satu kawasan yang mempunyai taburan megalitik terbanyak di Malaysia. Namun, hasil penelitian ini juga mendapati bahawa kebanyakan megalitik di daerah ini berdepan dengan ancaman kemusnahan dan kemerosotan ekoran pembangunan pesat fizikal bandar Penampang dan pembangunan jalan raya Pan Borneo. Selain itu, hasil penelitian bersama juga mendapati terdapat satu aspek penting yang kurang diketengahkan berbanding penyelidikan terdahulu, iaitu aspek dokumentasi tradisi lisan (lisan sejarah, hikayat, legenda dan mitos). Jika diteliti, perkaitan megalitik di Penampang dengan tradisi lisan, hanya menjurus kepada legenda Monsopiad semata-mata. Walhal terdapat beberapa lagi tradisi lisan penting yang perlu diketengahkan seperti tradisi lisan kepahlawanan Gondiran dan tradisi lisan kepahlawanan Menteri Babu. Oleh itu, makalah ini akan mengupas mengenai hubungkait tradisi lisan Gondiran dan megalitik Gondiran.

Tradisi Lisan dan Naratif Gondiran

Sumber lisan telah lama dikenali oleh umat manusia kerana lisan merupakan alat komunikasi utama untuk mewariskan pengetahuan masa lalu kepada generasi terkemudiannya (Abdul Syukur, 2007). Fungsi lisan ini mula digantikan kedudukannya oleh sistem tulisan setelah manusia mula menuliskan pengetahuan masa lalunya pada tulang, batu, kulit binatang, pohon pelepah, kertas dan juga media. Perubahan kaedah untuk mewariskan pengetahuan dari satu generasi ke satu generasi menggunakan sumber dokumen menyebabkan fungsi lisan dalam kehidupan masyarakat menjadi kurang popular. Walau bagaimanapun, kesan pemodenan yang melanda dunia, menyaksikan pengumpulan sumber lisan menjadi sangat relevan terutamanya untuk mendokumentasikan pengalaman masyarakat sesebuah negara yang kaya dengan kepelbagaian cerita rakyat, tradisi lisan, lagenda, hikayat dan mitos sebagai bukti budaya dan nilai dalam kehidupan masyarakatnya (James H Morrison, 2000).

Masyarakat Penampang yang tergolong dalam rumpun Melayu juga tidak terkecuali dari budaya pewarisan ilmu pengetahuan melalui kelisanan. Penampang merupakan salah satu daripada wilayah Sabah yang menyaksikan masyarakatnya hidup dengan budaya kelisanan. Hal ini terpancar jelas apabila kebanyakan maklumat berharga berkenaan aspek budaya dan sejarah wilayahnya masih tersimpan dalam kalangan ingatan golongan tua mereka. Persoalan yang sedang ditanggapi oleh masyarakat Penampang adalah persoalan budaya masyarakatnya yang selama ini menghadapi bahaya kehancurannya. Justeru itu, penggalian terhadap budaya masyarakat Penampang yang merupakan warisan nenek moyang mereka perlu dilaksanakan bagi mengelakkannya daripada hilang ditelan zaman. Adalah suatu yang tidak mustahil kebudayaan tersebut akan hilang begitu sahaja sekiranya tidak dipelihara dan dilestarikan. Pemahaman terhadap maklumat berharga ini akan membolehkan generasi terkemudiannya menemukan sesuatu yang bermanfaat dalam kehidupan masyarakat terdahulu seperti nilai-nilai sejarah dan nilai-nilai sosialnya.

Masyarakat Penampang yang sebahagian besarnya terdiri daripada Masyarakat Kadazan-Dusun mempunyai cara hidup dan budaya mereka sendiri yang membezakannya dengan suku kaum lain. Kebudayaan setiap suku kaum ini tampaknya semakin berkembang disebabkan dua faktor iaitu faktor dalaman dan faktor luaran. Faktor dalaman berkaitan dengan pertambahan penduduk dan penggantian

dari satu generasi ke satu generasi yang lain manakala faktor luaran merupakan faktor yang mempengaruhi kebudayaan sesebuah masyarakat seperti masuknya kebudayaan-kebudayaan lain dari luar. Sekiranya ditinjau dari perspektif sejarah masyarakat tradisional Penampang sehingga zaman moden ini, kebudayaan masyarakatnya sudah memperlihatkan sifatnya yang kompleks. Walau bagaimanapun, tradisi lisan yang popular dalam kalangan masyarakat Penampang lebih-lebih terarah kepada tradisi lisan yang bercorak cerita yang banyak mengetengahkan berkenaan asal-usul sesuatu tempat dan ketokohan seseorang tokoh dan tradisi lisan yang bercorak kepercayaan yang turut berkait rapat dengan sifat kebendaan di Penampang. Malah, tradisi lisan yang berkaitan dengan Monsopiad sering menonjol berbanding tokoh kepahlawanan lain (samada wujud sebagai mitos atau lisan sejarah) seperti Gondiran dan Menteri Babu.

Berdasarkan kajian lapangan yang dijalankan di Daerah Penampang, terdapat dua bukti fizikal (megalitik) yang dapat dikaitkan dengan Gondiran iaitu tapak megalitik *Tipongni Gondiran* dan *Watu Gondiran* yang terletak Kampung Sosopon. Kedua-dua tapak ini memperlihatkan bagaimana masyarakat mentafsir landskap budaya melalui unsur kepercayaan terhadap alam ghaib, makhluk luar biasa dan peristiwa yang berada di luar pengalaman manusia biasa. Tradisi lisan ini bukan sahaja menjelaskan asal usul kewujudan batu-batu berkenaan, malah memperlihatkan cara masyarakat membina hubungan antara memori kolektif, sistem kepercayaan dan warisan budaya yang masih dipelihara sehingga kini. Daripada perspektif etnoarkeologi, naratif ini mempunyai nilai yang penting dalam mentafsir tinggalan megalitik. Walaupun bentuk fizikal batu dapat didokumentasikan melalui kaedah arkeologi, makna budaya, fungsi simbolik dan kedudukannya dalam kehidupan masyarakat hanya dapat difahami melalui tradisi lisan yang diwariskan secara berterusan.

Oleh itu, analisis terhadap *Tipongni Gondiran* dan *Watu Gondiran* dapat memperlihatkan bagaimana unsur tradisi lisan terus memberikan makna kepada kewujudan megalitik sebagai sebahagian daripada landskap budaya masyarakat Kadazan-Dusun di Penampang. Walaupun, terdapat naratif kepahlawanan Gondiran yang dikaitkan dengan makhluk luar biasa, kekuatan luar biasa dan hubungan manusia dengan alam. Namun, naratif ini sukar untuk disahkan melalui bukti sejarah atau arkeologi. Naratif ini hanya diwariskan secara lisan untuk memberikan makna budaya kepada batu-batu tersebut serta

menjelaskan bagaimana masyarakat mentafsir landskap di sekeliling mereka.

(i) Tempat Tidur Gondiran (*Tipongni Gondiran)*

Kisah kepahlawanan Gondiran dikaitkan dengan salah satu tokoh yang terkenal dalam tradisi lisan masyarakat Kadazan-Dusun di Kampung Sosopon, Daerah Penampang (Guraim Gueh, 2024). Berdasarkan kepercayaan masyarakat setempat, Gondiran digambarkan sebagai makhluk gergasi yang mempunyai tubuh badan bersaiz luar biasa (gergasi), dan memiliki kekuatan yang melampaui kemampuan manusia. Berdasarkan tradisi lisan, Gondiran dilahirkan dengan kebolehan unik sejak lahir, beliau dikatakan mampu berjalan dan segera berkembang menjadi seorang dewasa yang gagah perkasa. Dipercayai Gondiran berasal dari Tambunan dan telah datang ke kampung Sosopon pada sekitar tahun 1800 untuk membantu penduduk kampung yang ketika itu sering diserang oleh "pengait" atau pemenggal kepala manusia. Kepahlawanan Gondiran terserlah setelah beliau berjaya membantu penduduk kampung daripada ancaman ini dengan menyerang dan memusnahkan kampung pengait yang berada di hilir Sungai Rugading.

Setelah kejayaan tersebut, penduduk kampung telah mengundang Gondiran untuk tinggal bersama mereka di kampung Sosopon. Walau bagaimanapun, disebabkan tubuh badan Gondiran yang bersaiz besar, beliau tidak dapat tinggal di dalam rumah penduduk kampung. Oleh itu, beliau telah pergi ke bukit Sosopon dan menjadikan kawasan tersebut sebagai kawasan tempat tinggalnya. Sepanjang beliau tinggal di kampung Sosopon, beliau sering membantu penduduk kampung dalam pelbagai aktiviti khususnya dalam mencari sumber makanan. Setelah tiada lagi ancaman daripada pengait, beliau telah kembali ke Tambunan. Terdapat versi tradisi lisan lain pula yang menyatakan beliau telah pergi ke kampung Buayan, Penampang untuk membantu penduduk kampung di sana (Guraim Gueh, 2024).

Foto 1: Tapak Megalitik *Tipongni Gondiran* (Bahagian Kepala)



Sumber: Kerja Lapangan 23 Januari 2024.

Foto 2: Tapak Megalitik *Tipongni Gondiran* (Bahagian Kaki)



Sumber: Kerja Lapangan 23 Januari 2024.

Foto 3: Tapak Megalitik *Tipongni Gondiran*



Sumber: Kerja Lapangan 23 Januari 2024.

Foto 4: *Tipongni Gondiran*



Sumber: Penjanaan imej Gemini AI, 2026.

Dari sudut budaya, penamaan Tipongni Gondiran menunjukkan bagaimana masyarakat memberikan makna terhadap sesuatu objek material melalui hubungan antara naratif dan landskap. Batu tersebut bukan hanya dianggap sebagai tinggalan fizikal, tetapi menjadi simbol yang menghubungkan komuniti dengan tradisi lisan yang diwarisi. Fenomena ini menunjukkan bahawa sesuatu megalitik memperoleh nilai budaya melalui proses pemaknaan sosial yang berlaku dalam sesebuah masyarakat (Renfrew, 1984). Berdasarkan pemerhatian lapangan, struktur megalitik ini terdiri daripada dua kelompok batu utama yang ditafsirkan oleh masyarakat sebagai bahagian kepala dan kaki Gondiran. Bahagian kepala mempunyai ukuran sekitar 23 sentimeter tinggi dengan kelebaran antara 19 hingga 22 sentimeter, manakala bahagian kaki berukuran sekitar 46 sentimeter tinggi dengan kelebaran antara 10 hingga 16 sentimeter. Kedua-dua kelompok batu tersebut dipisahkan pada jarak kira-kira 10.16 meter, sekali gus membentuk susunan memanjang yang menyerupai posisi seseorang yang sedang berbaring.

Pada bahagian kepala terdapat empat biji batu sungai, manakala bahagian kaki mengandungi tiga biji batu sungai yang sebahagiannya menunjukkan kesan pecahan akibat proses luluhawa dan faktor persekitaran. Selain itu, pemerhatian lapangan mendapati penduduk kampung turut meletakkan batu-batu sungai bersaiz kecil di sepanjang sisi struktur tersebut sebagai tanda penghormatan terhadap kepercayaan yang berkaitan dengan Gondiran (Guraim Gueh, 2024). Walaupun struktur ini tidak lagi digunakan dalam ritual tertentu, amalan tersebut menunjukkan bahawa *Tipongni Gondiran* masih mempunyai nilai simbolik dalam kehidupan budaya masyarakat setempat. Menurut tradisi lisan masyarakat Kampung Sosopon, Gondiran merupakan makhluk gergasi yang dipercayai pernah mendiami kawasan tersebut dan mempunyai saiz tubuh yang jauh lebih besar daripada manusia biasa. Gambaran mengenai saiz dan kekuatan Gondiran diterjemahkan melalui kewujudan struktur batu yang ditafsirkan sebagai kesan tempat beliau berbaring. Dalam konteks ini, nama Tipongni Gondiran bukan sekadar merujuk kepada bentuk fizikal batu, tetapi menggambarkan hubungan simbolik antara mitos, ruang dan identiti komuniti (Guraim Gueh, 2024).

Daripada perspektif etnoarkeologi, *Tipongni Gondiran* memperlihatkan bagaimana sesuatu tinggalan megalitik memperoleh makna melalui tafsiran budaya masyarakat yang mewarisinya.

Walaupun struktur tersebut tidak dapat dibuktikan secara saintifik sebagai tempat berehat makhluk gergasi, naratif yang berkaitan dengannya telah menjadikan batu tersebut sebahagian daripada landskap budaya masyarakat Kadazan-Dusun. Hal ini menunjukkan bahawa nilai sesuatu megalitik tidak hanya bergantung kepada fungsi asalnya, tetapi turut dipengaruhi oleh cerita, kepercayaan dan pengalaman kolektif masyarakat terhadap sesuatu tempat (David & Wilson, 2002). Kepercayaan terhadap Gondiran turut mencerminkan pandangan alam (*worldview*) masyarakat tradisional Kadazan-Dusun yang melihat unsur alam seperti batu, sungai dan kawasan tertentu bukan sekadar komponen fizikal, tetapi mempunyai hubungan dengan kuasa luar biasa atau dimensi spiritual. Pandangan ini memperlihatkan bahawa hubungan manusia dengan alam dalam masyarakat tradisional bersifat saling berkaitan, iaitu alam bukan hanya ruang kehidupan tetapi juga ruang yang mengandungi nilai simbolik dan budaya (Eliade, 1959). Oleh itu, *Tipongni Gondiran* bukan sahaja penting sebagai tinggalan megalitik dari sudut material, tetapi juga sebagai medium yang mengekalkan memori kolektif, identiti budaya dan sistem kepercayaan masyarakat Kampung Sosopon. Kewujudan struktur ini memperlihatkan bahawa tradisi lisan memainkan peranan penting dalam memberikan makna terhadap megalitik, kerana tanpa naratif masyarakat yang diwarisi, batu tersebut hanya akan dilihat sebagai objek fizikal tanpa konteks budaya yang mendalam.

(ii) Batu Cabaran Gondiran (*Watu Gondiran)*

Seterusnya, kisah kepahlawanan Gondiran juga dikaitkan dengan kewujudan sebuah megalitik yang berada di tepi sungai Sosopon. Gondiran juga dipercayai sentiasa membantu penduduk kampung Sosopon pelbagai aktiviti dalam kehidupan seharian. Menurut tradisi lisan masyarakat Kampung Sosopon, Gondiran pernah membantu penduduk kampung mendapatkan sumber makanan iaitu ikan semasa musim kemarau. Dalam tradisi lisan tersebut, Gondiran menggunakan saiz badanya yang besar dengan baring merentasi sungai sehingga aliran air tersekat. Hal ini secara tidak langsung telah ikan berkumpul, sekali gus memudahkan penduduk menangkap ikan. Setelah selesai membantu masyarakat, Gondiran dikatakan mengangkat sebuah batu besar dan meletakkannya di tebing sungai sebagai tanda kekuatannya. Sebelum meninggalkan kawasan tersebut, Gondiran mencabar sesiapa sahaja yang mempunyai kekuatan sepertinya untuk mengangkat kembali batu tersebut dan mengembalikannya ke sungai. Oleh sebab

tiada seorang pun mampu melaksanakan cabaran tersebut, batu itu kekal di lokasi asal dan dikenali sebagai Batu Cabaran Gondiran (Temu Bual, Guraim Gueh, 2024).


Batu Cabaran Gondiran merupakan salah satu tinggalan megalitik yang mempunyai hubungan rapat dengan tradisi lisan Gondiran dalam tradisi lisan masyarakat Kadazan-Dusun di Kampung Sosopon, Penampang. Berbeza dengan *Tipongni Gondiran* (yang dikaitkan dengan gambaran fizikal kewujudan Gondiran dalam landskap, *Watu Gondiran* lebih menonjolkan aspek kekuatan luar biasa serta hubungan antara tokoh tradisi lisan tersebut dengan persekitaran semula jadi. Batu ini dikenali sebagai *Watu Gondiran* kerana menurut kepercayaan masyarakat setempat, ia merupakan simbol kekuatan luar biasa Gondiran, iaitu makhluk gergasi yang dipercayai pernah mendiami kawasan tersebut (Temu Bual, Guraim Gueh, 2024). Dalam konteks tradisi lisan masyarakat Kadazan-Dusun, tradisi lisan Gondiran bukan hanya berfungsi sebagai cerita mengenai makhluk luar biasa, tetapi turut menjadi medium budaya untuk menerangkan kewujudan objek tertentu dalam landskap.

Foto 5: *Watu Gondiran*



Sumber: Kerja Lapangan 23 Januari 2024.

Foto 6: Batu Cabaran Gondiran



Sumber: Penjanaan Imej Gemini AI, 2026

Naratif tersebut memperlihatkan bagaimana masyarakat menggunakan unsur tradisi lisan sebagai mekanisme untuk menerangkan kewujudan sesuatu objek dalam landskap. Dalam konteks ini, *Watu Gondiran* bukan hanya dilihat sebagai batu semula jadi, tetapi telah diberikan makna budaya melalui kisah mengenai kekuatan dan peranan Gondiran sebagai pelindung serta pembantu masyarakat. Menurut Eliade (1959), masyarakat tradisional sering memberikan nilai sakral terhadap unsur tertentu dalam alam apabila unsur tersebut dikaitkan dengan pengalaman luar biasa atau hubungan dengan kuasa spiritual. Oleh itu, batu tersebut memperoleh kedudukan istimewa kerana dikaitkan dengan suatu naratif yang mempunyai nilai simbolik kepada komuniti. Salah satu aspek penting

dalam tradisi lisan Gondiran ialah unsur kosmologi yang menggambarkan pandangan alam masyarakat Kadazan-Dusun terhadap hubungan antara manusia, alam dan dunia spiritual. Dalam kepercayaan tradisional masyarakat pribumi, alam bukan hanya ruang fizikal yang menyediakan sumber kehidupan, tetapi turut mempunyai dimensi simbolik dan spiritual. Unsur seperti batu, sungai, hutan dan kawasan tertentu sering dikaitkan dengan kuasa luar biasa yang membentuk hubungan antara manusia dengan persekitarannya (Eliade, 1959). Dalam konteks *Watu Gondiran*, kewujudan batu tersebut ditafsirkan melalui naratif yang menghubungkannya dengan tindakan makhluk luar biasa. Keupayaan Gondiran mengangkat batu besar dan meninggalkannya di tebing sungai menggambarkan perbezaan antara kemampuan manusia biasa dengan kuasa supernatural yang dipercayai wujud dalam sistem kepercayaan tradisional. Watak Gondiran berfungsi sebagai simbol yang mewakili hubungan antara dunia manusia dengan alam ghaib, sekali gus memperlihatkan cara masyarakat tradisional memahami fenomena alam yang luar biasa melalui kerangka budaya mereka sendiri.

Menurut Guraim Gueh (2024), tradisi lisan Gondiran merupakan sebahagian daripada memori budaya masyarakat Kampung Sosopon yang terus dipelihara melalui penceritaan lisan. Walaupun tidak dapat dibuktikan dari sudut sejarah bahawa Gondiran merupakan individu sebenar, naratif tersebut tetap mempunyai nilai budaya kerana menjelaskan bagaimana masyarakat memberikan makna terhadap landskap yang diwarisi daripada generasi terdahulu. Salah satu fungsi utama tradisi lisan Gondiran adalah sebagai etiologi budaya, iaitu cerita yang menerangkan asal-usul sesuatu objek, tempat atau fenomena yang terdapat dalam persekitaran masyarakat. Dalam hal ini, *Watu Gondiran* dijelaskan melalui naratif tentang kekuatan Gondiran, manakala *Tipongni Gondiran* pula dikaitkan dengan tempat beliau berehat. Kedua-dua struktur tersebut memperlihatkan bagaimana masyarakat menggunakan tradisi lisan untuk memberikan penjelasan terhadap kewujudan unsur fizikal dalam landskap mereka. Menurut David dan Wilson (2002), landskap budaya terbentuk melalui hubungan dinamik antara manusia, tempat dan makna yang diberikan kepada sesuatu lokasi. Berdasarkan pandangan ini, *Watu Gondiran* tidak hanya penting kerana kewujudan fizikalnya, tetapi kerana masyarakat telah membentuk hubungan simbolik dengannya melalui naratif dan kepercayaan. Batu tersebut menjadi sebahagian daripada

landskap budaya yang menyimpan memori kolektif masyarakat Kampung Sosopon.

Walaupun dari sudut arkeologi batu tersebut merupakan batu semula jadi tanpa bukti pengubahsuaian manusia, perspektif etnoarkeologi membolehkan batu tersebut dianalisis berdasarkan makna budaya yang diberikan oleh masyarakat pemilik warisan. Pendekatan ini menunjukkan bahawa sesuatu objek material tidak hanya memperoleh nilai melalui proses pembinaannya, tetapi juga melalui proses sosial dan budaya yang berlaku selepas kewujudannya (Renfrew, 1984). Dari perspektif etnoarkeologi, *Watu Gondiran* memperlihatkan bagaimana tradisi lisan berperanan dalam mengekalkan hubungan masyarakat dengan tinggalan material. Melalui proses penceritaan yang diwarisi, masyarakat Kampung Sosopon bukan sahaja mengekalkan tradisi lisan Gondiran, tetapi turut memelihara hubungan mereka dengan lokasi dan objek yang dikaitkan dengan tokoh tersebut. Tradisi lisan memainkan peranan penting khususnya dalam konteks tinggalan megalitik yang tidak mempunyai dokumentasi sejarah bertulis yang lengkap. Melalui cerita yang diwariskan, batu tersebut terus diberikan makna dan dihormati sebagai sebahagian daripada identiti budaya masyarakat. Dalam hal ini, tradisi lisan Gondiran berfungsi sebagai mekanisme sosial yang memastikan hubungan antara generasi terdahulu dengan generasi semasa terus berlangsung. Menurut Assmann (2011), memori budaya sesebuah masyarakat dipelihara melalui simbol, tempat dan objek yang mempunyai nilai bersama. Dalam konteks Kampung Sosopon, *Watu Gondiran* menjadi salah satu simbol yang menghubungkan masyarakat semasa dengan naratif leluhur mereka. Batu tersebut bukan sekadar objek dalam landskap fizikal, tetapi menjadi medium yang menyimpan ingatan, kepercayaan dan identiti komuniti.

Secara keseluruhannya, *Watu Gondiran* menunjukkan bahawa tradisi lisan memainkan peranan penting dalam memberikan makna terhadap tinggalan material dalam masyarakat Kadazan-Dusun. Melalui tradisi lisan Gondiran, batu tersebut ditafsirkan bukan sahaja sebagai objek fizikal, tetapi sebagai simbol yang menghubungkan manusia dengan alam, kepercayaan spiritual dan memori kolektif masyarakat Kampung Sosopon. Walaupun naratif mengenai Gondiran tidak dapat dibuktikan secara sejarah, nilai budaya cerita tersebut tetap signifikan kerana memperlihatkan cara masyarakat tradisional memahami dan mentafsir landskap mereka. Pendekatan etnoarkeologi membolehkan tinggalan seperti *Watu Gondiran* difahami secara lebih menyeluruh,

iaitu bukan hanya berdasarkan ciri fizikalnya, tetapi juga melalui sistem pengetahuan, pengalaman dan tradisi lisan masyarakat yang mewarisinya.

Hubung Kait Tradisi Lisan dan Megalitik Gondiran

Dari perspektif masyarakat tempatan, *Tipongni Gondiran* dan *Watu Gondiran* menjadi elemen fizikal yang mengesahkan kewujudan Gondiran dalam sejarah lisan mereka. Walaupun tiada bukti saintifik yang dapat membuktikan bahawa batu-batu ini benar-benar dikaitkan dengan Gondiran, kehadiran batu tersebut telah membentuk naratif sejarah yang diwarisi dari generasi ke generasi. Kepercayaan ini diperkuatkan dengan fakta bahawa kedua-dua batu ini terletak jauh dari jalan utama dan sukar untuk dipindahkan dengan teknologi tradisional pada abad ke-19, sekali gus menimbulkan persoalan mengenai bagaimana ia boleh berada di situ. Tambahan pula, masyarakat tempatan tidak mempunyai rekod tentang usaha manusia moden untuk meletakkan batu tersebut di lokasi berkenaan, mengukuhkan lagi tradisi lisan bahawa batu itu sememangnya dikaitkan dengan Gondiran.

Namun, cabaran utama yang dihadapi dalam menghubungkan tradisi lisan Gondiran dengan *Tipongni Gondiran* dan *Watu Gondiran* adalah kekurangan dokumentasi rasmi dan sikap tidak peduli sebahagian masyarakat tempatan terhadap nilai sejarahnya. Berdasarkan temu bual, hanya segelintir penduduk kampung yang benar-benar mengetahui kisah penuh mengenai Gondiran dan batu-batu tersebut, manakala yang lain hanya mengenalinya sebagai "batu besar" tanpa memahami kepentingan sejarahnya. Selain itu, terdapat juga ancaman terhadap keaslian kedua-dua batu ini, termasuk tindakan vandalisme oleh generasi muda yang tidak menghargai kepentingannya dalam sejarah komuniti mereka (Temu Bual, Andresia, 2025).

Hubung kait tradisi lisan Gondiran dengan dengan *Tipongni Gondiran* dan *Watu Gondiran* tidak hanya terletak pada aspek naratif sejarah lisan, tetapi juga dalam signifikannya sebagai bukti fizikal yang memperkukuh lagenda tersebut. Batu-batu ini bukan sahaja menjadi tanda kehadiran Gondiran dalam sejarah komuniti Dusun di Kampung Sosopon, tetapi juga berfungsi sebagai elemen utama dalam

pemeliharaan warisan budaya dan pembangunan pelancongan tempatan. Salah satu bentuk usaha yang dilakukan oleh penduduk kampung adalah dengan membangunkan tapak pelancongan Watu Gondiran pada tahun 2019. Kawasan ini telah dijadikan sebagai salah satu destinasi warisan yang menggabungkan sejarah, mitologi, dan ekopelancongan. Batu-batu ini bukan sahaja menarik minat masyarakat tempatan tetapi juga pelancong luar yang ingin memahami sejarah dan kepercayaan etnik Dusun. Di samping itu, usaha pemuliharaan dan penceritaan semula lagenda Gondiran melalui aktiviti pelancongan membolehkan warisan ini terus dikenali oleh generasi akan datang. Walau bagaimanapun, kedudukanya yang jauh, kekurangan maklumat dan promosi, serta kurangnya sokongan daripada pihak berkepentingan telah menyebabkan usaha pembangunan kawasan pelancongan ini tidak begitu mendapat sambutan meluas. Oleh itu, usaha lebih lanjut dalam pendokumentasian sejarah, pendidikan komuniti, dan perlindungan tapak warisan diperlukan bagi memastikan *Tipongni Gondiran* dan *Watu Gondiran* terus dihargai sebagai sebahagian daripada identiti budaya masyarakat Dusun.

Foto 7: Pintu Masuk Kawasan Eko Pelancongan Megalitik Gondiran



Sumber: Kerja Lapangan 23 Januari 2024.

Foto 8: Pintu Masuk Kawasan Eko Pelancongan Megalitik Gondiran



Sumber: Kerja Lapangan 23 Januari 2024.

i. Cara Penurunan Cerita Gondiran: Tradisi Lisan dan Dokumentasi

Penurunan cerita Lagenda Gondiran dalam masyarakat Dusun di Kampung Tolungan masih bergantung kepada tradisi lisan, kerana sehingga kini tiada dokumentasi rasmi yang lengkap mengenai kisah ini. Menurut transkrip temu bual, kisah Gondiran pada asalnya

diturunkan secara lisan oleh penduduk lama yang menetap di kawasan pergunungan berhampiran Watu Gondiran. Golongan tua di kampung dahulu memainkan peranan penting dalam menyampaikan cerita ini kepada generasi muda, terutamanya melalui penceritaan semasa perhimpunan kampung atau interaksi sosial harian. Namun, keadaan ini berubah apabila hanya dua orang tua sahaja yang masih mengetahui kisah ini secara terperinci, dan mereka sendiri semakin uzur serta kurang berkongsi cerita kepada generasi seterusnya. Akibatnya, semakin ramai penduduk, termasuk generasi muda, tidak mengetahui kisah penuh tentang Gondiran dan hanya mengenali batu tersebut tanpa memahami kepentingannya dalam sejarah lisan masyarakat Dusun.

Dalam usaha untuk mengekalkan cerita ini, seorang individu daripada komuniti, Guraim Gureh, yang juga merupakan Pengerusi Watu Gondiran, telah mengambil inisiatif untuk mengumpulkan maklumat daripada penduduk tua yang masih mengetahui kisah ini. Menurut transkrip, beliau telah bertanya kepada penduduk lama dan memastikan cerita yang dikumpul adalah konsisten dan tidak bercanggah sebelum berkongsi kembali kepada masyarakat dan pelancong. Melalui pendekatan ini, beliau berjaya menstandarkan naratif cerita Gondiran, di mana sekurang-kurangnya 15 orang dalam komuniti kini dapat menyampaikan kisah ini dengan jalan cerita yang sama, sekali gus mengurangkan risiko penyimpangan maklumat akibat perubahan zaman. Pendekatan ini memperlihatkan usaha pemuliharaan tradisi lisan melalui pembelajaran langsung dalam komuniti, walaupun tanpa adanya dokumentasi bertulis yang sistematik.

Walaupun terdapat usaha dalam menyampaikan cerita Gondiran melalui aktiviti pelancongan, cabaran utama yang dihadapi ialah kurangnya minat generasi muda dalam memahami dan mewarisi cerita ini. Dalam temu bual, dinyatakan bahawa golongan muda berusia 18 tahun ke bawah kurang berminat dengan kisah ini, manakala individu yang menunjukkan minat lebih cenderung terdiri daripada pegawai jabatan dan pelawat dari luar kampung. Selain itu, penduduk kampung yang lebih muda sering mengabaikan nilai sejarah Watu Gondiran, malah ada yang melakukan vandalisme dengan menconteng batu tersebut, menunjukkan kurangnya kesedaran terhadap kepentingan warisan ini.

Dari segi dokumentasi rasmi, sehingga kini belum ada usaha yang berjaya untuk merekodkan kisah ini secara bertulis atau melalui bahan visual. Menurut transkrip, usaha untuk bekerjasama dengan Muzium Sabah telah dijalankan, tetapi mendapat sambutan yang kurang menggalakkan. Situasi ini mungkin disebabkan oleh kekurangan struktur rasmi dalam pengurusan Watu Gondiran, yang dianggap sebagai usaha kecil-kecilan oleh komuniti setempat. Namun, terdapat cadangan bahawa kerjasama dengan institusi seperti Universiti Malaysia Sabah (UMS) boleh membantu dalam mendokumentasikan cerita ini dengan lebih sistematik.

Dari sudut potensi pemuliharaan, penggunaan teknologi dan media digital boleh menjadi salah satu pendekatan yang berkesan untuk memastikan kelangsungan cerita Gondiran. Walaupun setakat ini tiada usaha digital yang dilakukan, terdapat minat daripada komuniti untuk menghasilkan bahan dokumentasi dalam bentuk video atau risalah yang boleh diedarkan kepada pelancong dan institusi akademik. Selain itu, dengan perkembangan teknologi, platform digital seperti laman web, media sosial, atau dokumentari dalam talian boleh menjadi medium penting untuk menyebarkan cerita ini kepada khalayak yang lebih luas.

Kesimpulannya, penurunan cerita Gondiran masih bergantung kepada tradisi lisan, tetapi dengan risiko besar bahawa kisah ini mungkin lenyap jika tiada usaha dokumentasi yang lebih sistematik dilakukan. Kurangnya minat generasi muda, vandalisme terhadap tapak bersejarah, serta kesukaran mendapatkan sokongan institusi rasmi menjadi cabaran utama dalam pemeliharaan naratif ini. Oleh itu, usaha perlu dilakukan untuk menggalakkan lebih ramai penduduk kampung menyampaikan cerita ini secara konsisten, meningkatkan kesedaran dalam kalangan generasi muda, serta menggunakan kaedah moden seperti dokumentasi bertulis dan media digital bagi memastikan lagenda ini terus diwarisi dan dihargai oleh generasi akan datang.

ii. Kesan Cerita Gondiran terhadap Masyarakat dan Komuniti

Lagenda Gondiran memberikan impak yang mendalam terhadap masyarakat Kampung Tolungan, Sabah, bukan hanya dari sudut pemuliharaan warisan budaya, tetapi juga dalam pembentukan identiti masyarakat Dusun, aspek kepercayaan, serta pembangunan ekonomi melalui pelancongan warisan. Sebagai sebuah kisah yang diwarisi secara lisan, legenda ini telah membentuk naratif sejarah, simbol kepahlawanan, dan nilai kolektif yang terus mempengaruhi komuniti setempat.

Salah satu kesan paling ketara adalah dalam aspek pemuliharaan warisan budaya dan kesedaran sejarah. Berdasarkan transkrip temu bual, walaupun masyarakat tempatan mengetahui tentang kewujudan Watu Gondiran, mereka tidak memiliki pemahaman mendalam mengenai kisah di sebaliknya. Hanya selepas tapak ini dijadikan destinasi pelancongan pada tahun 2019, masyarakat mula menunjukkan minat untuk memahami dan mengekalkan sejarah tersebut. Pengerusi Watu Gondiran, Guraim Gureh, memainkan peranan penting dalam mengumpulkan maklumat daripada generasi lama dan memastikan cerita ini disampaikan secara seragam dan tidak bercanggah. Melalui usaha ini, sekurang-kurangnya 15 orang dalam komuniti kini dapat menyampaikan kisah Gondiran dengan jalan cerita yang sama, membolehkan warisan ini terus hidup dalam kalangan masyarakat setempat.

Selain itu, tradisi lisan Gondiran juga membantu dalam pembentukan identiti masyarakat Dusun dengan menonjolkan elemen kepahlawanan dan tanggungjawab sosial. Gondiran digambarkan sebagai seorang tokoh luar biasa yang memiliki keupayaan untuk melindungi komuniti daripada ancaman luar, seperti pengait atau Singkaran. Kisah ini memberi gambaran bahawa keberanian dan kekuatan bukan sekadar untuk kepentingan individu, tetapi untuk kepentingan masyarakat secara keseluruhan. Naratif ini memperkukuh nilai gotong-royong, kepimpinan, dan kepedulian sosial dalam masyarakat Dusun, sekali gus menjadikan Gondiran sebagai simbol identiti yang menghubungkan generasi lama dan baru dalam komuniti tersebut.

Dari sudut kepercayaan dan amalan spiritual, walaupun cerita Gondiran lebih berfokus kepada unsur kepahlawanan fizikal, batu-batu yang dikaitkan dengannya masih mempunyai nilai mistik dan simbolik dalam kalangan penduduk setempat. Batu ukuran tempat tidur Gondiran dan Watu Gondiran bukan sahaja dianggap sebagai penanda sejarah, tetapi juga sebagai simbol kekuatan dan warisan purba. Namun, berbeza dengan Batu Gintutun Do Mohoing yang dikaitkan dengan upacara spiritual masyarakat Kadazan-Dusun, Watu Gondiran tidak mempunyai ritual khas yang dikaitkan dengannya. Berdasarkan transkrip temu bual, penduduk kampung tidak menganggap Watu Gondiran sebagai objek yang perlu dihormati secara ritual, sebaliknya lebih kepada bukti fizikal tentang kewujudan Gondiran.

Dari perspektif ekonomi dan pelancongan, cerita Gondiran telah membuka peluang kepada masyarakat Kampung Tolungan untuk membangunkan tapak warisan sebagai destinasi pelancongan tempatan. Dengan menjadikan Watu Gondiran sebagai tarikan utama, komuniti telah memperkenalkan aktiviti pelancongan seperti mendaki ke lokasi batu tempat tidur Gondiran dan air terjun 12 tingkat, yang menarik minat pelawat dari dalam dan luar Sabah. Pelancongan ini bukan sahaja membantu dalam meningkatkan kesedaran masyarakat tentang sejarah mereka sendiri, tetapi juga menyumbang kepada ekonomi setempat melalui bayaran masuk, perkhidmatan pemandu pelancong, dan penginapan tradisional. Menurut temu bual, pengunjung dikenakan bayaran RM5 untuk lawatan biasa, RM20 untuk mendaki ke kawasan Watu Gondiran, dan RM120 untuk pakej penuh yang merangkumi aktiviti perkhemahan dan lawatan ke kawasan air terjun.

Walaupun cerita Gondiran memberi impak positif terhadap komuniti, terdapat beberapa cabaran yang perlu diatasi, terutamanya kurangnya kesedaran dan penghormatan dalam kalangan generasi muda terhadap warisan ini. Berdasarkan temu bual, terdapat insiden vandalisme di Watu Gondiran, di mana budak-budak kampung menconteng dan merosakkan batu tersebut kerana mereka tidak memahami kepentingannya sebagai warisan sejarah (Temu Bual, Andresia, 2025). Selain itu, masyarakat kampung yang lebih tua juga menghadapi kesukaran untuk memastikan generasi muda berminat dalam mengekalkan cerita ini. Kurangnya dokumentasi rasmi dan sokongan institusi seperti Muzium Sabah turut menyukarkan usaha pemuliharaan jangka panjang.

Tradisi lisan Gondiran umumnya telah memberi kesan mendalam masyarakat Kampung Tolungan, terutamanya dalam aspek pemuliharaan budaya, pembentukan identiti etnik, amalan kepercayaan, dan pembangunan pelancongan. Walaupun cerita ini semakin dikenali melalui aktiviti pelancongan, cabaran dalam memastikan kesinambungan warisan ini masih wujud, terutama dari segi pendokumentasian, penghormatan generasi muda terhadap tapak warisan, dan sokongan dari pihak berkepentingan. Oleh itu, usaha yang lebih sistematik perlu dilakukan dalam meningkatkan kesedaran komuniti, memanfaatkan teknologi digital untuk dokumentasi, serta memperkukuhkan kerjasama dengan institusi akademik dan pelancongan bagi memastikan kisah ini terus dihargai oleh generasi akan datang.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, makalah ini membuktikan bahawa membuktikan bahawa tinggalan megalitik di Kampung Sosopon, Penampang, khususnya yang berkait rapat dengan *Tipongni Gondiran* dan *Watu Gondiran*, merupakan bukti megalitik penting yang tidak dapat dipisahkan dengan tradisi lisan Gondiran. Menerusi kerangka etnoarkeologi, tradisi lisan kepahlawanan Gondiran bertindak sebagai mekanisme etiologi yang memberikan makna terhadap kewujudan megalitik tersebut. Hubung kait tradisi lisan dan megalitik ini berjaya membentuk memori kolektif yang mengabsahkan identiti, memori kolektif, dan etika kemasyarakatan Kadazan-Dusun. Secara perbandingan, impak sosiobudaya dan nilai perlindungan yang ditonjolkan melalui karakter Gondiran meletakkannya pada kedudukan warisan yang setanding dengan legenda Monsopiad, sebuah naratif yang selama ini memonopoli wacana pensejarahan Penampang. Jika Monsopiad diangkat sebagai ikon pahlawan fizikal manusia, Gondiran memanifestasikan dimensi kepahlawanan kosmik dan kekuatan luar biasa yang menyumbang secara langsung kepada kelestarian alam dan kesejahteraan kelangsungan hidup sosial. Pengiktirafan selari ini amat penting bagi menyeimbangkan naratif sejarah tempatan, sekali gus membuktikan bahawa tokoh mitologi ini mempunyai wibawa, sumbangan, dan nilai keilmuan yang sama berat dalam mengartikulasikan pandang alam masyarakat Kadazan-Dusun. Walau bagaimanapun, kelestarian khazanah epistemologi tempatan ini sedang berada pada tahap kritikal berikutan ketiadaan dokumentasi rasmi, asimilasi pemodenan yang menjarakkan generasi muda

daripada sejarah purba, serta pencerobohan fizikal melalui aktiviti vandalisme. Bagi mendepani ancaman kepupusan memori budaya ini, satu pendekatan pemuliharaan bersepadu yang mensinergikan inisiatif ekopelancongan warisan berasaskan komuniti, penglibatan ahli akademik, dan pengarkiban sejarah secara digital amat mendesak untuk direalisasikan. Langkah holistik ini adalah penting bagi memastikan legasi tradisi lisan Gondiran tidak luput ditelan zaman.

Senarai Rujukan

Buku dan Jurnal

Abdul Syukur. (2007, 14–17 November). *Sejarah Lisan Orang Biasa: Sebuah Pengalaman Penelitian* (Kertas Pembentangan). Jakarta, Indonesia: Fakulti Ilmu Sosial, Universiti Negeri Jakarta.

Assmann, J. (2011). *Cultural Memory and Early Civilization: Writing, Remembrance, and Political Imagination*. Cambridge, United Kingdom: Cambridge University Press.

Bascom, W. (1965). The Forms of Folklore: Prose Narratives. *Journal of American Folklore*. Vol. 78(307): 3–20.

Baszley Bee, B. B. (2011). Tradisi Megalitik di Sabah: Satu Tinjauan Awal. *Jurnal Arkeologi Malaysia*. Vol. 24: 16–32.

David, B., & Wilson, M. (2002). *Inscribed Landscapes: Marking and Making Place*. Honolulu, HI: University of Hawai'i Press.

Eliade, M. (1959). *The Sacred and the Profane: The Nature of Religion*. New York: Harcourt, Brace & World.

Eliade, M. (1963). *Myth and Reality*. New York: Harper & Row.

Harrisson, T. (1962). Megaliths of Central and West Borneo. *Sarawak Museum Journal*. Vol. 10(19-20): 378–380.

Morrison, J. H. (2000). Perspektif Global Sejarah Lisan di Asia Tenggara. Dalam A. W. Adam (Ed.), *Sejarah Lisan di Asia Tenggara: Teori dan Metod*. Jakarta, Indonesia: Pustaka LP3ES.

Phelan, P. R. (1997). *Traditional Stone and Wood Monuments of Sabah*. Kota Kinabalu, Sabah: Borneo Research Council.

Renfrew, C. (1984). *Approaches to Social Archaeology*. Edinburgh, United Kingdom: Edinburgh University Press.

Vansina, J. (1985). *Oral Tradition as History*. Madison, Wisconsin: University of Wisconsin Press.

Temu Bual

Guraim Gureh. (2024, 5 Oktober). *Legenda Gondiran, Tipongni Gondiran dan Batu Cabaran Gondiran* (Temu bual dan dokumentasi lisan). Kampung Sosopon, Penampang.

Andresia. (2025, 5 Disember). *Isu dan cabaran pemeliharaan tapak megalitik di Daerah Penampang* (Temu bual). Majlis Perbandaran Penampang.